



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**KENYATAAN MEDIA  
POSITIF COVID-19**

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) disahkan positif COVID-19 selepas mendapat keputusan ujian saringan malam tadi.

Beliau menjalani ujian saringan COVID-19 sejurus tiba di Kota Bharu dari Kuala Lumpur pada pagi semalam.

Beliau telah dimasukkan ke wad Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu, Kelantan pada pukul 10.30 malam tadi untuk pemantauan dan keadaannya stabil.

Pada 1 Januari 2021 beliau telah menjalani ujian saringan COVID-19 dan keputusannya adalah negatif.

Dato' Sri Mustapa memohon maaf di atas kesulitan yang timbul akibat daripada perkara ini dan memohon agar semua pihak berdoa kepada Allah SWT memudahkan urusan kita semua.

**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)  
PUTRAJAYA  
10 Januari 2021**